

KAJIAN PENYEDIAAN FASILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI KERAJAAN DI NUSAJAYA, JOHOR BAHRU.

Shalini a/p Sanmargaraja

Seow Ta Wee

Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan
Jabatan Binaan dan Harta Tanah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia
fake_smile19@yahoo.com
seowtawee@uthm.edu.my

ABSTRAK

Selaras dengan pertambahan bilangan orang kurang upaya (OKU), maka lebih banyak projek yang berkaitan dengan keperluan pengguna OKU perlu dibina. Namun dalam keghairahan mengejar keperluan permintaan yang semakin meningkat, kita seolah-olah lupa kepada tanggungjawab sosial yang perlu diambil kira dalam setiap pembangunan. Aksesibiliti merupakan aspek yang penting dalam industri pembinaan. Hal ini kerana penekanan aksesibiliti dalam industri ini akan dapat mengurangkan segala permasalahan mudah capai dalam dan luar sesebuah bangunan kerajaan, swasta dan sebagainya. Walaupun wujud beberapa akta yang berkaitan namun ia masih belum mencukupi untuk menangani pelbagai masalah kekurangan fasiliti yang berlaku. Kajian ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada golongan OKU untuk hidup dalam keadaan yang selesa dan menikmati semua fasiliti yang disediakan seperti orang lain. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penyediaan dan perancangan fasiliti OKU di institusi kerajaan di Bandar Nusajaya, Johor Bahru dan mengkaji pandangan warga OKU terhadap fasiliti yang telah disediakan. Kajian ini akan dijalankan di institusi kerajaan di Bandar Nusajaya, Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada kemudahan OKU yang disediakan dalam dan luar bangunan kerajaan. Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti kaedah kajian literatur, pemerhatian, pengauditan, borang soal selidik dan temu bual. Hasil kajian yang didapati menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap bangunan masih berada dalam tahap kekurangan dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan dilakukan penambahbaikan secepat mungkin untuk meningkatkan kualiti fasiliti OKU.

Kata Kunci: Sistem Pengurusan Fasiliti, Orang Kurang Upaya (OKU), Institusi Kerajaan

1.0 Pengenalan

Orang kurang upaya (OKU) adalah seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental samada berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008). Pada masa kini, kemudahan keperluan akses orang kurang upaya masih tidak mencukupi dengan jumlah pertambahan golongan OKU di negara kita khususnya di negeri Johor. Dahulu istilahnya ialah orang cacat, tetapi bunyinya yang kurang manis dan tidak sopan seolah-olah menyisihkan golongan itu menyebabkan ia ditukar kepada OKU. Selepas nama OKU dipakai, terdapat juga yang mahukan ia terus diubah menjadi lebih 'mesra' iaitu orang berlainan upaya (Azlinariah, A., 2007).

Berdasarkan Jadual 1.1, jumlah OKU bertambah pada sebanyak 10 peratus pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Apa erti angka-angka itu sebenarnya? Maksudnya, lebih banyak OKU, lebih meluas sepatutnya rasa kesedaran kita terhadap mereka. Lebih meluas kesedaran membawa pula maksud wajar lebih banyak kemudahan untuk menyenangkan golongan ini.

Jadual 1.1: Statistik pendaftaran OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2006 (Omar, M. H., 2008)

	2006	2007
Jenis kecacatan	Perangkaan(orang)	Perangkaan(orang)
Cacat penglihatan	18 258	14 154
Cacat pendengaran	29 522	22 728
Cacat anggota	66 250	45 356
<i>Cerebral palsy</i>	887	
Masalah pembelajaran	76 619	49 340
Lain-lain	5 983	1 077
Jumlah	197 519	220 250

Pertambahan golongan OKU dalam kependudukan telah mengakibatkan kewujudan permintaan untuk penyediaan fasiliti OKU di dalam dan luar bangunan terutamanya di institusi kerajaan supaya orang OKU juga dapat menjalani kehidupan seperti orang yang normal. Objektif kajian yang diutarakan dalam kajian adalah untuk mengkaji penyediaan fasiliti OKU di institusi kerajaan di Bandar Nusajaya, Johor Bahru dan untuk mengkaji pandangan warga OKU terhadap fasiliti OKU yang disediakan.

2.0 Kajian Lepas

Menurut Marina, N. (2006), di dalam tesis yang bertajuk “Penglibatan perunding binaan dalam perancangan dan rekabentuk kemudahan dan bangunan untuk orang kurang upaya (OKU)” mengatakan bahawa OKU dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- Orang yang tidak memiliki keupayaan mental yang memerlukan perhatian yang khas. Mereka termasuklah golongan cacat mental, *gifted*, dan kecederaan otak.
- Orang yang tidak memiliki kestabilan emosi yang memerlukan perhatian khas. Golongan ini termasuklah yang sakit mental dan gangguan emosi.
- Orang yang tiada keupayaan fizikal yang memerlukan perhatian khas. Kumpulan ini termasuklah mereka yang buta atau pandangan terhalang, pekak atau kesukaran mendengar dan apa-apa jua kesakitan dan kecacatan fizikal.

Menurut Sharifah, N. & Murugappiria, S. (2000), dalam prosiding yang bertajuk “Perancangan bandar selamat bagi golongan istimewa peranan jururancang” mengatakan konsep ‘Persekitaran Tanpa Halangan’ (*Barrier-free Environment*) merupakan konsep yang

diperkenalkan oleh jururancang bandar di negara maju dalam menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat bagi golongan istimewa. Tiga perkara utama yang perlu ada dalam persekitaran tanpa halangan fungsi iaitu (*functionality*), keselamatan (*security*) dan keselesaan (*comfort*) pada ruang yang disediakan. Konsep ini menekankan persepaduan dan penggunaan yang optimum prinsip-prinsip reka bentuk yang menjurus kepada pembinaan dan penciptaan persekitaran yang berfungsi, selamat dan selesa serta responsif kepada keperluan pengguna (Bedner, 1977).

Menurut Ishak, Z. (2008), sudah sampai masanya masyarakat menanam sikap prihatin terhadap mereka yang tidak bernasib baik selain tidak lagi menafikan hak dan keperluan mereka. Kebanyakan kemudahan yang disediakan hanya dimonopoli oleh orang normal dan kadang-kala mereka tidak diberi keutamaan hanya kerana tergolong sebagai OKU. Pihak berkuasa perlu memainkan peranan penting supaya semua kemudahan awam mesra OKU, oleh itu mereka harus memastikan kemudahan untuk memenuhi keperluan OKU bebas halangan. Kemudahan untuk orang-orang buta dan OKU yang disediakan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) masih kurang khususnya di tempat awam seperti bangunan atau pejabat kerajaan, pusat membeli-belah dan tempat awam lain. Contohnya, ketiadaan tandas-tandas khas dan laluan khusus bagi golongan OKU. Sehubungan dengan itu, semua pemaju perumahan dan bangunan di sini diminta supaya menyediakan kemudahan asas yang mesra OKU dan usaha tersebut adalah wajar. DBKK juga harus memastikan bahawa semua bangunan baru mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan berhubung akses untuk OKU dan mencadangkan bangunan lama yang tidak mesra OKU supaya diubah suai.

Dalam sektor pelancongan Jerman, orang buta diberi peluang untuk melawat tempat-tempat yang bersejarah dengan mengadakan kemudahan pemandu pelancong dan sesetengah dinding disediakan dengan tulisan *Braille*. Keselamatan golongan istimewa juga dijamin. Dalam bidang sukan pula, kemudahan sukan seperti kolam renang, gelanggang khas badminton dan tennis disediakan untuk OKU. Atlet OKU dilahirkan untuk mewakili negeri dalam kejohanan yang dianjurkan pada musim panas. Dalam alam pekerjaan pula, golongan kurang upaya mempunyai peluang yang tinggi untuk mendapat tawaran pekerjaan sektor awam berbanding orang yang normal (Schongau, 2007).

3.0 Metodologi Kajian

Terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini seperti kajian literatur, pemerhatian, kaedah temu bual, kaedah pengauditan dan soal selidik. Kajian literatur adalah merupakan kajian-kajian lepas yang dilakukan sama ada di dalam dan di luar negara. Kajian-kajian ini dirujuk untuk menguatkan isi kandungan kajian yang hendak dilakukan. Kajian ini dilakukan dengan merujuk pada laporan, piawaian, tesis, jurnal, artikel atau buku. Kaedah temu bual berstruktur telah dijalankan kepada responden-responden seperti institusi kerajaan di Bandar Nusajaya seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor (JPBD), Jabatan Kerja Raya Johor (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor (JPS), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG), Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Semua fasiliti OKU yang disediakan akan dinilai mengikut piawaian yang telah ditetapkan dan direkodkan dalam senarai audit seperti Lampiran B untuk dibandingkan dengan Garis Panduan Keperluan Akses Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam(UKBS) 1984. Dalam kajian ini soalan kaji selidik adalah berbentuk skala ordinal iaitu skala Likert. Borang soal selidik terdiri daripada daripada tiga bahagian iaitu seperti Bahagian A yang mengandungi latar belakang responden dan maklumat organisasi, Bahagian B pula merangkumi penyediaan fasiliti OKU dan Bahagian C merangkumi pandangan terhadap fasiliti OKU yang disediakan.

Responden kajian bagi mengkaji penyediaan fasiliti OKU terhadap fasiliti OKU yang disediakan di institusi kerajaan terdiri daripada 7 orang pegawai dan staf dari 7 jabatan di sekitar Bandar Nusajaya iaitu seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor (JPBD), Jabatan Kerja Raya Johor (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor (JPS), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG), Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Johor Bahru. Seramai 37 orang responden dipilih secara rawak di jabatan-jabatan tersebut untuk mengkaji pandangan warga OKU terhadap fasiliti OKU yang disediakan.

4.0 Lokasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan di institusi kerajaan di Bandar Nusajaya, Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada kemudahan OKU yang disediakan di dalam dan luar bangunan institusi kerajaan. Lokasi ini dipilih kerana kawasan ini merupakan satu kawasan yang baru dan sedang membangun di sekitar Johor Bahru. Keluasan Bandar Nusajaya yang berada di Johor Bharu, Johor ialah 97 km². Nusajaya adalah satu kawasan di mana bila ianya siap dibina, kawasan ini akan menjadi pusat pentadbiran yang baru bagi Negeri Johor. Bandar ini terletak pada bahagian barat Johor Bahru dan berhampiran dengan Bandar Gelang Patah. Selain itu, bandar ini merupakan satu bandar terancang dengan kawasan perniagaan yang bertaraf antarabangsa, kawasan kediaman dan tempat penginapan di Asia.



Rajah 4.1: Bandar Nusajaya



Rajah 4.2: Institusi kerajaan

5.0 Pandangan Pegawai di Institusi Kerajaan, Nusajaya Mengenai Penyediaan Fasiliti OKU

Seramai 7 orang responden dipilih daripada 7 jabatan di sekitar Nusajaya, Daerah Johor Bahru. 6 orang daripada keseluruhan responden yang dipilih adalah berjawatan pembantu tadbir dan seorang lagi berjawatan Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Johor. 5 daripada responden yang dipilih terdiri daripada kaum wanita dan 2 orang lagi adalah kaum lelaki.

Seramai 6 orang responden amat berpuas hati dengan sistem pengurusan fasiliti OKU di organisasi mereka. Terdapat seorang responden sahaja yang tidak berpuas hati dengan sistem pengurusan fasiliti OKU ini kerana pada pendapat responden ini bahagian pengurusan jabatannya tidak langsung mengambil sebarang inisiatif untuk memeriksa kembali fasiliti yang disediakan dan meluang masa untuk meminta pandangan staf dan orang awam mengenai tahap kepuasan mereka terhadap fasiliti OKU yang disediakan. Responden ini juga berkata bahawa pihak pengurusan di jabatannya hanya 'melepaskan batuk di tangga' dan tidak menghiraukan perasaan pengguna fasiliti-fasiliti tersebut.

Kesemua responden menyatakan jabatan mereka jarang dikunjungi oleh orang awam yang terdiri daripada golongan OKU. Pada pendapat responden OKU yang dimaksudkan adalah golongan yang cacat anggotanya. Tetapi pada hakikatnya, golongan OKU adalah didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental sama ada berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008). Ini bermaksud orang awam yang mengalami kecederaan sementara, wanita mangandung dan warga tua juga diklasifikasikan sebagai orang kurang upaya (OKU). Hal ini menunjukkan kebanyakan masyarakat pada masa kini masih tidak memahami golongan yang manakah yang dikatakan sebagai golongan OKU.

Kesemua responden tidak dapat membekalkan pengkaji dengan data OKU yang mengunjungi jabatan mereka kerana responden-responden ini tidak menyimpan data kehadiran pelanggan mereka. Kebanyakan daripada responden ini berkata bahawa adalah sukar untuk mengambil data kehadiran OKU kerana jabatan mereka jarang dikunjungi oleh golongan OKU. Hal ini menunjukkan sistem pangkalan data di kesemua jabatan di kawasan kajian tidak efektif.

Hanya seorang responden sahaja yang merasakan fasiliti OKU yang sedia ada di organisasinya tidak perlu diperbaiki lagi kerana sistem fasiliti yang terdapat sekarang sudah memadai. 6 orang responden lagi berpendapat fasiliti OKU yang sedia ada di organisasi mereka perlu diperbaiki dalam masa terdekat untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Seorang responden berkata fasiliti tangga *spiral* yang disediakan di jabatannya tidak sesuai untuk digunakan oleh golongan OKU seperti wanita mangandung and warga tua. Responden ini juga mengalami sakit kepala dan loya semasa menggunakan sistem tangga *spiral* ini. Keadaan tangga ini juga tidak kukuh kerana semasa pengguna menggunakan tangga ini ianya akan mengalami pergerakan seakan-akan tiada nat untuk meminimumkan pergerakan tersebut.

Kesemua responden menyokong cadangan untuk menyediakan fasiliti OKU di semua pejabat kerajaan. Bagi bangunan lama yang tidak mempunyai fasiliti OKU, perlulah dilakukan penambahbaikan supaya semua bangunan kerajaan bersifat *barrier free*. Terdapat beberapa jenis fasiliti OKU yang dicadangkan oleh kesemua responden untuk jabatan masing-masing seperti penyediaan tangga yang sempurna, penyediaan tempat letak kereta yang khas untuk golongan OKU, menambahkan bilangan tandas OKU dan penyediaan tempat perhentian pengangkutan awam seperti bas dan teksi.

Kesemua responden bersetuju sekiranya bangunan pejabat mereka dilakukan penambahbaikan jika pada asalnya bangunan tersebut tidak mempunyai fasiliti OKU. Kesemua responden menggalakkan proses pembinaan sistem fasiliti OKU di jabatan mereka untuk memudahkan pelanggan mereka yang mungkin terdiri daripada golongan OKU.

Terdapat 3 orang responden yang berkata pihak yang bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggaraan fasiliti OKU di jabatan mereka adalah pihak pengurusan dan bahagian penyelenggaraan. Selebihnya mengatakan pihak yang sebenarnya untuk penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti OKU di jabatan mereka adalah *vendor*. Terdapat 4 orang responden yang berkata kerja-kerja penyelenggaraan terhadap kemudahan OKU dilakukan setiap hari di organisasi mereka. 2 orang responden lagi berkata kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan sebulan sekali dan seorang responden kurang pasti dengan perkara ini. Rata-rata kesemua responden berkata kerja-kerja penyelenggaraan yang dimaksudkan adalah menyapu lantai dan membersihkan tandas sahaja.

Kesemua responden berpendapat golongan OKU dititikberatkan dalam perancangan dan rekabentuk bangunan kerana bilangan OKU tidak ramai jika dibandingkan dengan golongan yang sempurna anggota fizikalnya. Terdapat sesetengah responden berpendapat golongan OKU yang datang berurusan dengan jabatan kerajaan adalah minorti dan pihak perancang merasakan pembinaan fasiliti OKU menambahkan kos pembinaan sesuatu bangunan. Selain itu, kesemua responden berkata sebenarnya pembinaan fasiliti OKU tidak akan menambahkan kos pembinaan sekiranya terdapat perasaan prihatin terhadap golongan istimewa ini.

Daripada kajian dijalankan kesemua responden menyarankan bahawa fasiliti OKU yang lebih pratikal perlu ditingkatkan untuk menjadikan sesuatu bangunan tersebut menjadi lebih konduksif dan selamat untuk digunakan oleh semua pihak. Selain itu, golongan OKU perlu dititikberatkan seperti individu yang normal dan diberikan peluang untuk menikmati kesemua fasiliti seperti individu yang sempurna.

5.1 Hasil Pengauditan Fasiliti OKU

Dalam bahagian ini, penghuraian analisis dilakukan secara terperinci bagi menjawab persoalan kajian. Fasiliti-fasiliti ini boleh dikategorikan dalam tiga elemen seperti aksesibiliti, ruang dan kemudahan sokongan. Fasiliti yang terdapat dalam elemen aksesibiliti adalah seperti kemudahan lerengan (*ramp*), *handrail*, *grab-bar*, laluan khas atau laluan pejalan kaki dan kaki lima, anjung masuk bangunan, permukaan laluan bertekstur, tangga, lintasan "*pedestrian*", dan lif.

Keluasan lerengan (*ramp*) yang dikenalpasti adalah sebanyak 9.8m². Kemudahan lerengan yang disediakan mempunyai *handrail* dan permukaan lantainya tidak licin. Keadaan ini memang sesuai dan konduksif bagi golongan OKU. Anjung masuk setiap bangunan disediakan dengan laluan khas atau pejalan kaki. Laluan bertekstur juga disediakan untuk mengelakkan pengguna daripada tergelincir ketika musim hujan. Selain itu, lintasan *pedestrian* juga disediakan untuk kemudahan orang ramai untuk melintas jalan raya yang sibuk. Kemudahan lif juga disediakan tetapi ianya tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MS 1184 : 2002 kerana ianya tidak sesuai digunakan oleh orang yang cacat penglihatan atau buta. Butang-butang dalam lif ini tidak disediakan dengan tulisan *Braille* dan *automatic lift announcer* yang akan digunakan oleh orang buta untuk ke aras yang lebih tinggi atau rendah.



Rajah 5.1 : Lerengan(*ramp*)



Rajah 5.2 : Anjung masuk bangunan



Rajah 5.3 : Tangga berserta *handrail*



Rajah 5.4 : Laluan khas dan kaki lima



Rajah 5.5 : Permukaan laluan bertekstur



Rajah 5.6 : Lintasan *pedestrian*

Kemudahan ruang pula terdiri daripada enam elemen iaitu tempat letak kereta khas, tandas, bilik persalinan atau penyusuan, peruntukan unit kediaman, kedai runcit (*corner shop*) dan perhentian bas. Semua jabatan yang dikaji tidak mempunyai fasiliti seperti bilik persalinan atau bilik penyusuan, peruntukan unit kediaman, kedai runcit (*corner shop*) dan perhentian bas. Tidak dinafikan semua jabatan mempunyai tempat letak kereta

tetapi tiada satu tempat letak kereta khas untuk golongan OKU. Ini kerana tempat letak kereta yang terdapat di sini adalah dari jenis terbuka iaitu perlu dikongsi oleh semua staf dan orang awam yang mengunjungi jabatan-jabatan ini. Selain itu, semua jabatan di sini disediakan dengan tandas khas untuk golongan OKU sahaja. Keluasan tandas yang direkodkan adalah 3.23m² dan ianya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MS 1331:2003.



Rajah 5.7 : Tempat letak kereta yang terbuka



Rajah 5.8 : Tandas OKU


Kemudahan sokongan pula dikategorikan kepada sepuluh elemen iaitu papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, keterangan bertulis, tanda amaran, papan tanda khas, bangku atau tempat duduk *fixed* ataupun *built-in*, pondok telefon berbayar, longkang telefon berbayar, longkang atau parit, halangan-halangan seperti pokok, pasu bunga, tiang lampu, papan tanda dan *kerb* serta tiang lampu trafik melintas. Jabatan-jabatan di sini tidak mempunyai keterangan bertulis, longkang atau parit dan pondok telefon berbayar. Fasilitas yang terdapat di jabatan ini adalah papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, tanda amaran, papan tanda khas, bangku atau tempat duduk *fixed* ataupun *built-up*, halangan-halangan seperti pokok dan sebagainya serta tiang lampu melintas. Semua kemudahan ini disediakan adalah mengikut spesifikasi MS 1184:2002 dan MS 1183:1990.



Rajah 5.9 : Papan tanda kenyataan



Rajah 5.10 : Tanda tunjuk arah




Rajah 5.11 : Papan tanda khas


5.2 Pandangan OKU Terhadap Fasilitas di Bandar Nusajaya

Daripada analisis yang dijalankan, didapati jumlah responden adalah 37 orang yang terdiri daripada staf di institusi kerajaan di Bandar Nusajaya, Johor Bahru. Daripada jumlah ini, 13 orang adalah responden lelaki dan 24 orang adalah responden perempuan. Peratusan bagi lelaki adalah 35% dan peratusan bagi perempuan adalah 65%. Peratusan ini menunjukkan ramai pekerja wanita yang bekerja dalam institusi kerajaan. Golongan OKU yang terdapat di institusi ini terdiri daripada warga tua dan wanita mengandung sahaja. Seramai 70% responden mengatakan bahawa organisasi mereka mempunyai pekerja OKU manakala 30% responden lagi mengatakan pejabat mereka tidak mempunyai pekerja OKU. Pekerja OKU boleh diklasifikasikan sebagai pekerja yang terdiri daripada wanita mengandung, warga tua, orang yang mengalami kecederaan sementara atau kecederaan yang kekal dan orang yang mengalami kecacatan. Seramai 46% responden menyatakan bahawa organisasi mereka dikunjungi oleh orang awam yang terdiri daripada golongan OKU sementara 54% responden lagi mengatakan organisasi mereka hanya dikunjungi oleh orang yang sempurna fizikalnya.

Sebanyak 43.26% responden sangat bersetuju dengan fasiliti *ramp*, 27.03% responden pula hanya bersetuju, 21.60% responden kurang pasti, 8.11% responden tidak bersetuju. Data yang lebih jelas ditunjukkan dalam Rajah 5.12. Sebanyak 29.73% responden sangat setuju, 40.54% responden, 21.62% responden kurang pasti dan 8.11% responden tidak bersetuju dengan fasiliti *handrail*. Data yang lebih jelas ditunjukkan dalam Rajah 5.13.




Rajah 5.12 : Tahap kepuasan terhadap dengan fasiliti lerengan (*Ramp*)




Rajah 5.13 : Tahap kepuasan terhadap fasiliti *handrail*

Seramai 45.95% orang responden sangat setuju dengan penyediaan fasiliti *grab bar* di bangunan pejabat mereka manakala 43.24% orang responden lagi hanya bersetuju dengan fasiliti tersebut. Seramai 8.11% orang responden tidak setuju dengan fasiliti *grab bar* manakala 2.70% responden lagi tidak pasti dengan fasiliti tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.14. Terdapat seramai 13.51% responden sangat setuju dengan fasiliti laluan khas atau pejalan kaki dan kaki lima yang disediakan di bangunan pejabat mereka manakala 67.57% responden setuju dengan fasiliti tersebut. 2.70% responden tidak begitu pasti dengan penyediaan fasiliti laluan khas dan 16.22% responden tidak setuju yang disediakan di organisasi mereka. Data yang lebih jelas ditunjukkan dalam Rajah 5.15.




Rajah 5.14 : Tahap kepuasan terhadap fasiliti *Grab Bar*




Rajah 5.15 : Tahap kepuasan terdapat fasiliti laluan khas

Seramai 35.14% orang responden sangat setuju manakala 45.95% orang responden hanya bersetuju dengan penyediaan fasiliti anjung masuk bangunan yang terdapat di bangunan pejabat mereka. Seramai 13.51% orang responden kurang pasti dan seramai 5.41% tidak begitu setuju dengan penyediaan fasiliti anjung masuk bangunan pejabat mereka. Data yang lebih jelas digambarkan dalam Rajah 5.16. Seramai 29.73% responden sangat setuju dengan penyediaan fasiliti tangga di organisasi mereka manakala 40.54% responden lagi setuju dengan fasiliti tersebut. Selain itu, seramai 10.81% responden kurang pasti dan 13.51%

responden lagi tidak setuju dengan fasiliti tangga di organisasi kerajaan yang terdapat di Bandar Nusajaya, Johor Bahru. Data yang lebih jelas ditunjukkan dalam Rajah 5.17.




Rajah 5.16 : Tahap kepuasan terhadap fasiliti anjung masuk bangunan




Rajah 5.17 : Tahap kepuasan terhadap fasiliti tangga

29.73% responden sangat setuju dan seramai 40.54% orang responden pula setuju dengan fasiliti permukaan laluan yang bertekstur yang disediakan di institusi mereka. Seramai 13.51% orang responden lagi kurang pasti manakala 10.81% responden lagi tidak setuju dengan fasiliti laluan bertekstur yang disediakan. 5.41% lagi sangat tidak setuju dengan penyediaan laluan bertekstur yang terdapat di bangunan pejabat masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.18.




Rajah 5.18 : Tahap Kepuasan Terhadap Permukaan Laluan Yang Bertekstur

27.03% responden berasa sangat setuju dengan fasiliti lintasan *pedestrian* yang terdapat di institusi manakala 45.95% responden lagi setuju dengan fasiliti tersebut. Seramai 16.22% responden berasa kurang pasti dan 10.81% responden berasa tidak setuju dengan fasiliti lintasan *pedestrian* seperti dalam Rajah 5.19. Seramai 16.22% responden berasa sangat setuju dengan fasiliti lif yang disediakan di organisasi mereka manakala 45.95% orang responden lagi berasa setuju dengan fasiliti lif. 24.32% responden lagi berasa kurang pasti, 5.41% responden berasa tidak setuju dan 8.11% responden lagi berasa sangat tidak setuju dengan penyediaan fasiliti lif di bangunan pejabat mereka seperti dalam Rajah 5.20.



Rajah 5.19 : Tahap kepuasan terhadap lintasan *Pedestrian*



Rajah 5.20 : Tahap kepuasan terhadap fasiliti lif

Kajian ini dapat dirumuskan dengan menyatakan bahawa kebanyakan responden berpuas hati dengan fasiliti OKU yang disediakan di organisasi mereka. Pada dasarnya,

kemudahan OKU mendatangkan banyak manfaat kepada semua pihak tidak kira golongan OKU mahupun golongan normal.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengketengahkan isu golongan kurang upaya yang terbiar sekian lama. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan pengurusan dari segi tempat letak kereta, *kerbs*, laluan pejalan kaki, perabot jalan dan akses masuk bangunan dicadangkan untuk memperbaiki fasiliti yang sediaada untuk mencapai persekitaran kemudahan bagi semua golongan masyarakat tidak kira sempurna fizikal atau golongan yang kurang bernasib baik.

7.0 Penghargaan

Ucapan setinggi penghargaan terima di atas sokongan pihak Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan serta Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Tun Hussein Onn, di atas segala tunjuk ajar dan kerjasama yang telah diberikan. Sekian, terima kasih.

Rujukan

- Azlinariah, A. (2007). "Tukar pandangan pada OKU." Atas talian: www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1203&pub=Utusan, (12 Januari 2009).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, (2008). "Bantulah dan Hormatilah OKU." Atas talian : <http://realitioku.blogspot.com/2008/01/bantulah-hormatilah-oku.html> (1 Januari 2009).
- Ishak, Z. (2008). "Hari Tongkat Putih bawa mesej kesedaran." Atas talian: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah %26 Sarawak&pg=wb_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_01.htm) (30 Januari 2009).
- Marina, N. (2006). "Penglibatan perunding binaan dalam perancangan dan rekabentuk kemudahan dan bangunan untuk Orang Kurang Upaya (OKU)." Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia:Skudai.
- Omar, M. H. (2008). "Kurang fikir terhadap kurang upaya." Atas talian: http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1224&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_09.htm&arc=hive. Utusan, (11 Januari 2009).
- Sharifah, N. & Murugappiria, S. (2000). "Perancangan Bandar Selamat Bagi Golongan Istimewa Peranan Jururancang." Dalam "Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekitaran Yang Selamat." Prosiding Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar Dan Wilayah Kali Ke-18.Universiti Teknologi Malaysia: Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah. 64-70.
- Schongau, (2007). " Equal Opportunities for all in the European Year of Equality 2007." Twin Towns Conference: Abingdon.
- SIRIM: MS 1184:2002, Code of Practice for Access for Disabled People to Public Buildings (2009). Department of Standards Malaysia.
- SIRIM: MS 1331: 2003, Code of Practice for Access for Disabled People Outside Buildings (2009). Department of Standards Malaysia.
- SIRIM: MS 1183: 2002, Code of Practice for Means of Escape for Disable People (2009). Department of Standards Malaysia.